




**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)

SKIM BARAKAH LIVIN'PAY GS NO: 2415

**SKIM PELABURAN KEISTIMEWAAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG SYARIAH
YANG MENGANDUNGI FAEDAH 36 PENYAKIT KRITIKAL DAN FAEDAH HOSPITAL**

Tempoh Promosi: 1 Oktober - ~~30 November 2000~~ 30 APR 2001



Jika ahli mencarum sebanyak RM44 sebulan, ahli tersebut akan mendapat manfaat seperti berikut:

- Penyakit kritikal **RM 40,000.00**
- Kematian biasa **RM 40,000.00**
- Kematian kemalangan **RM 80,000.00**
- Hilang upaya total & kekal (akibat penyakit) **RM 40,000.00**
- Hilang upaya total & kekal (akibat kemalangan) **RM 80,000.00**
- Khairat kematian **RM 2,000.00**
- Kemasukan hospital

MANFAAT KEMASUKAN HOSPITAL		
FAEDAH TUNAI HARIAN (SEMALAM)		FAEDAH BAYARAN BALIK PERUBATAN
HOSPITAL KERAJAAN RM120	HOSPITAL SWASTA RM80	(HOSPITAL SWASTA SAHAJA) RM900

- Nota: (i) Peserta yang menuntut Faedah Tunai Harian bila masuk ke Hospital Kerajaan tidak boleh menuntut sebarang Faedah Bayaran Balik Perubatan.
(ii) Faedah Tunai dibayar sehingga had maksima 500 malam sahaja.
(iii) Faedah Bayaran Balik Perubatan adalah untuk kes kemalangan dan penyakit.
(iv) TIADA BAYARAN FAEDAH TUNAI HARIAN atau FAEDAH BAYARAN BALIK PERUBATAN JIKA TIDAK DIMASUK KE HOSPITAL

Sekiranya jika tiada apa tuntutan dibuat selain daripada manfaat kemasukkan hospital sebelum mencapai umur 65 tahun, anggaran Nilai Pulangan Dana Barakah adalah seperti berikut:

FAEDAH PERSARAAN UMUR 65 JIKA AHLI MENCARUM RM44.00 SEBULAN					
TEMPOH POLISI (TAHUN)	JUMLAH SIMPANAN (JS)	NILAI PULANGAN (NP)		PERATUS PULANGAN (NP/JS)	
		6%	13%	6%	13%
1	RM480.00	RM195.00	RM200.00	41	42
5	RM2,400.00	RM1,061.00	RM1,259.00	45	52
10	RM4,800.00	RM2,378.00	RM3,409.00	49	71
15	RM7,200.00	RM4,012.00	RM7,081.00	56	99
20	RM9,600.00	RM6,038.00	RM13,356.00	63	139
25	RM12,000.00	RM8,554.00	RM24,075.00	71	200
30	RM14,400.00	RM11,674.00	RM42,387.00	81	294
35	RM16,800.00	RM15,548.00	RM76,370.00	92	439
40	RM19,200.00	RM20,353.00	RM127,111.00	106	662

Anggaran diatas berdasarkan pada andaian-andaian berikut:

- Bilangan jumlah peserta sekurang-kurangnya adalah 500 orang pada setiap masa.
- Purata umur peserta skim ini adalah 44 tahun
- Tiada kadar kematian yang luarbiasa
- Had umur penyertaan adalah 65 tahun

Jangkaan sebenar skim ini mungkin berbeza daripada andaian-andaian yang telah digunakan. Oleh itu, anggaran ini hanya menunjukkan anggaran pulangan skim ini sahaja.

36 PENYAKIT KRITIKAL

- | | | | |
|---|------------------------------|---|---|
| 1. Serangan Sakit Jantung | 9. Sklerosis Berganda | 19. Penyakit Terminal | 27. Poliomielititis |
| 2. Strok (Angin Ahmar) | 10. Hipertensi Pulmonori | 20. Penyakit Neuron Motor | 28. Tumor Otak Benigna |
| 3. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari | 11. Kebutaan | 21. Penyakit Hati Kronik | 29. Penyakit Paru-paru Kronik |
| 4. Kanser | 12. Pembedahan Injap Jantung | 22. Jangkitan HIV daripada Pemindahan Darah | 30. Koma |
| 5. Kerosakan Buah Pinggang | 13. Kelecuman Api Yang Teruk | 23. Ensefalitis | 31. Pembedahan Otak |
| 6. Hepatitis Fulminan | 14. Pembedahan Aorta | 24. Anemia Aplistik | 32. Meningitis Bakterial |
| 7. Pemindahan Organ Utama | 15. Hilang suara | 25. Kecelakaan Kepala Akibat Kemalangan Yang Menyebabkan Trauma Kepala Yang Utama | 33. Penyakit-penyakit Arteri Konorori Penting yang Lain |
| 8. Kelumpuhan (paraplegia, Tetraplegia) | 16. Penyakit Alzheimer | 26. Penyakit Parkinson | 34. Sindrom Apalik |
| | 17. Distrofi Otot | | 35. Jangkitan HIV Yang Diperoleh Melalui Pekerjaan |
| | 18. Kepekakan | | 36. Aids Peringkat Lewat |

Definisi terperinci penyakit kritikal (seperti yang termaktub di dalam polisi utama) perlu dipenuhi sebelum sebarang tuntutan manfaat 36 Penyakit Kritikal dibayar. Risalah ini untuk tujuan ilustrasi sahaja. Segala syarat ada terkandung dalam polisi.

Rayuan Presiden KPPK Semenanjung Malaysia

Saudara/Saudari,

Guru tetap guru, walau dimana dan pada bila-bila masa. Sebagai insan biasa kita sering menghadapi masalah. Setiap hari kita membaca berita mengenai guru, antaranya guru yang meninggal dunia akibat kemalangan semasa menjalankan tugas — kes dua orang sahabat kita yang meninggal dunia di Mersing Johor semasa membawa anak murid ke pertandingan kuiz and seorang guru maut semasa perjalanan menghadiri seminar di Parit Buntar. Guru yang meninggal dunia akibat diserang penyakit jantung, guru yang

menghadapi kesukaran kerana menghadapi penyakit kritikal. Semua berita ini kita tidak suka mendengar tetapi menjadi realiti dan menjadi sebahagian hidup kita.

Atas permintaan ramai, skim Barakah kini diperkenalkan kepada ahli-ahli KPPK. Skim ini sendiri akan membantu ahli kita menyertai skim ini tanpa was-was. Skim mengamalkan prinsip Islam dan terbuka kepada semua ahli Islam dan bukan Islam.

Dengan penyertaan dalam skim Barakah ini, mudah-mudahan keluarga kita tidak akan menghadapi kesengsaraan semasa kita tiada. Apabila kita berjimat, kita juga dapat menjamin

masa depan kita semasa bersara kelak. Simpanan itu dapat digunakan semasa hari tua.

Semasa hidup, ramai rakan disekelilingi kita tetapi apabila kita menghadapi kesukaran hanya kita sendiri yang menanggung. Dengan menyertai skim Barakah "LivinPay", keselamatan dan kebahagiaan keluarga kita insya'Allah akan terjamin.

Salam sejahtera.

Tengku Habsah binti Tengku Petera
Presiden
KPPK Semenanjung Malaysia

DANA BARAKAH

Ahli yang telah menyertai Skim Livin' Pay juga boleh menyertai Skim Barakah ini

Barakah bermaksud berkat di dalam Bahasa Malaysia. Great Eastern Life telah menubuhkan Dana Barakah secara khusus untuk memenuhi keperluan pelaburan masyarakat Muslim. Ia adalah dana pelaburan yang diuruskan dan membolehkan wang ahli anda dikumpulkan bersama-sama dengan pelabur-pelabur lain dan ahli anda akan mendapat manfaat daripada pelaburan di dalam portfolio yang dipelbagaikan.

Sebagai tambahan, Dana Barakah membuat pelaburan hanya di dalam sekuriti dan pelaburan lain yang dibenarkan mengikut undang-undang Syariah. Untuk memastikan pelaburan anda mengikut undang-undang Syariah, kami telah melantik BIMB Securities Sdn Bhd, sebuah syarikat penunding Syariah yang berdaftar untuk bertindak sebagai penasihat didalam urusan Syariah berkaitan dengan Dana Barakah.

Premium pelaburan anda akan digunakan untuk membeli unit-unit di dalam Dana Barakah. Dana ini diuruskan oleh pengurus-pengurus Great Eastern Life. Matlamat pengurus dana adalah untuk mencapai pulangan yang terbaik dan konsisten dengan polisi pelaburan jangka sederhana dan jangka panjang Dana Barakah ini.

Sila ambil perhatian bahawa ia bukanlah sejenis pelan Takaful, dan oleh sebab anda akan mendapat manfaat penuh apabila prestasi pelaburan menguntungkan, anda juga menanggung sepenuhnya risiko pelaburan skim ini.

CIRI-CIRI ISTIMEWA DAN KELAYAKKAN UNTUK SKIM INI

- Ahli boleh meneruskan penyertaan dalam skim ini, sehingga umur 65 tahun
- Potongan premium bulanan melalui gaji secara automatik amat menyenangkan dan akan menjamin polisi anda tidak luput
- Anda boleh berhenti bila-bila masa selepas 12 bulan tarikh penyertaan dan Nilai Pulangan berdasarkan kepada unit pelaburan pada harga pasaran semasa dikembalikan kepada anda.
- Ahli dan pasangan ahli yang berumur kurang daripada 55 tahun adalah layak untuk menyertai.
- Ahli mestilah menyertai skim ini untuk membolehkan pasangan ahli menyertainya.

PENGELUARAN WANG TUNAI KECEMASAN

Satu ciri istimewa skim ini ialah anda boleh mengembalikan Unit Dana Barakah anda setelah menyumbang sekurang-kurangnya 12 bulan. Jumlah minima yang dibenarkan ialah nilai unit RM200 dan tiada had maksima. Anda boleh mengeluarkan kesemua unit yang ada. Yuran pemerosesan sebanyak RM10 akan dikenakan bagi setiap pengeluaran.

Perlindungan insurans akan berterusan selagi anda membuat sumbangan premium setiap bulan.

NOTIS PENTING: Membeli polisi berkait-pelaburan adalah komitmen jangka panjang. Pembatalan awal polisi ini akan melibatkan kos yang tinggi dan nilai pengeluaran juga akan bergantung kepada nilai pasaran lazim untuk aset di dalam dana unit ini; oleh itu nilai pengeluaran mungkin kurang daripada premis keseluruhan yang dibayar. Anda juga perlu memastikan pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dan jumlah premium yang dibayar di dalam polisi ini adalah di dalam kemampuan anda.

BUTIR-BUTIR LANJUT MENGENAI MANFAAT SKIM INI

Kematian dan Hilang Upaya Total & Kekal (akibat penyakit/ secara biasa)

PROMOSI KHAS

Sekiranya berlaku Kematian/Hilang Upaya Total & Kekal dalam masa 2 tahun pertama perlindungan akibat penyakit kanser, kerosakkan buah pinggang, AIDS atau HIV positif, hanya 50% daripada jumlah manfaat akan dibayar. Jumlah penuh akan dibayar sekiranya Kematian/Hilang Upaya Total & Kekal berlaku selepas 2 tahun perlindungan. Walau bagaimanapun tuntutan untuk Kematian/Hilang Upaya Total & Kekal langsung tidak akan dibayar sekiranya disebabkan oleh penyakit yang sedia ada tetapi tidak dinyatakan di dalam borang cadangan.

MANFAAT PERSARAAN

- Sekiranya ahli masih sihat dan tidak pernah membuat sebarang tuntutan selain daripada Faedah Hospital di bawah skim ini, ahli akan menerima pulangan berdasarkan nilai pasaran saham semasa apabila ahli mencapai umur 65 tahun.
- Sekiranya ahli memutuskan untuk memberhentikan caruman sebelum ahli mencapai umur 65 tahun, Nilai Pulangan berdasarkan kepada unit pelaburan pada harga pasaran semasa dikembalikan kepada anda selepas 12 bulan tarikh penyertaan.

PENGECUALIAN SKIM INI

1. Kematian/Hilang Upaya Total & Kekal/Hilang Upaya Sebahagian & Kekal

- Berpunca daripada sebarang percubaan dengan niat mencederakan diri-sendiri sama ada siaman atau tidak siaman;
- Kecederaan tubuh-badan yang dialami semasa dalam penerbangan mana-mana pesawat kecuai sebagai penumpang dalam pesawat yang mengikut jadual penerbangan secara regular;
- Menarik diri pada /sebelum tarikh berkuatkuasa;
- Akibat daripada peperangan sama ada diisytiharkan ataupun tidak;
- Akibat daripada serangan kemarahan yang dibangkitkan, ketagihan dadah, sebarang bentuk perlumbaan (selain dengan menggunakan kaki), scuba-diving (selam skuba), memburu.

2. Penyakit Kritikal

- Sebarang penyakit kritikal yang dihidapi sebelum tarikh perlindungan berkuatkuasa
- Sebarang penyakit kritikal yang berkaitan dengan komplikasi fungsi tubuh badan yang wujud sebelum tarikh perlindungan berkuatkuasa.



GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)
CADANGAN INI ADALAH KHAS UNTUK PROMOSI SAHAJA
SKIM BARAKAH LIVIN'PAY (GS2415)

PEMEGANG POLISI DAN AMANAH: KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN, SEMENANJUNG MALAYSIA

BORANG CADANGAN UNTUK SUAMI/ISTERI AHLI/KAKITANGAN KPPK SAHAJA (UMUR TIDAK MELEBIHI 55 TAHUN)

Sertai skim ini semasa tempoh promosi dan borang cadangan anda pasti diterima oleh syarikat insurans

BUTIRAN PERIBADI SUAMI/ISTERI (Sila gunakan huruf besar)

1. (a) No. KP (lama): No. KP (Baru): - -

(b) Nama

(c) Jantina Lelaki Perempuan (d) Tarikh lahir: ^D ^D - ^M ^M - 1 9 ^Y ^Y ^Y ^Y

(e) Pekerjaan _____

(f) Tinggi _____ cm (atau) _____ inchi (g) Berat _____ kg (atau) _____ paun

(h) Tel. No. (rumah) - (i) Tel. No. (syarikat) -

(j) Nama & alamat syarikat _____

_____ Poskod _____

(l) Nama & alamat doktor yang biasa jumpa (jika ada) _____

Dengan ini, saya sebagai pemohon mengakui bahawa:

- saya tidak pernah dinasihati oleh doktor untuk memulakan pengambilan sesuatu ubat khas melebihi tempoh 7 hari dalam tempoh masa 36 bulan ini atau menjalani pemeriksaan diagnostik / ujian makmal dan/atau prosedur-prosedur pembedahan atau dinasihati oleh doktor untuk diwadkan di hospital selama 2 hari atau lebih kerana sesuatu penyakit atau kemalangan dan
- Saya tidak pernah dirawat atau diberitahu bahawa saya menghidap sebarang penyakit jantung, kencing manis, penyakit paru-paru, penyakit hati, kanser, penyakit buah pinggang, penyakit uro-genital, penyakit gastro-intestinal, penyakit sendi dan tulang khususnya penyakit/masalah tulang belakang atau mana-mana penyakit serius lain; dan
- Saya tidak pernah diuji atau diberi kaunseling atau dirawat untuk HIV (Human Immune Deficiency) atau AIDS; dan
- Sepanjang pengetahuan saya, saya berada dalam keadaan sihat dan berkeupayaan bekerja sepenuh masa.
- Permohonan untuk insurans nyawa tidak pernah ditolak, ditunda, dikenakan premium lebih tinggi atau diubahsuai oleh mana-mana syarikat insurans.
- Saya tidak pernah didiagnos atau dirawat untuk penyalahgunaan bahan-bahan beracun, najis dadah atau alkohol.

Sekiranya mana-mana pernyataan di atas tidak benar, sila berikan keterangan lanjut dibawah. Sekiranya segala pernyataan di atas adalah benar, sila letakkan "TIDAK" di ruangan kosong dibawah.



Keterangan: _____
Notis penting: Sila nyatakan sekiranya anda menghidapi sebarang penyakit. Sekiranya anda gagal membuat demikian, segala tuntutan kematian/hilang upaya total & kekal disebabkan penyakit yang sedia ada tidak akan dibayar.

Mengikut Seksyen 149(4) Akta Insurans 1996, anda dikehendaki menyatakan dengan sepenuhnya dan sebenar-benarnya semua kenyataan yang anda tahu atau sepatutnya tahu di dalam borang ini, jika tidak, polisi yang dikeluarkan itu akan dianggap tidak sah.

Semua pengakuan di atas adalah benar dan lengkap sepanjang pengetahuan saya. Syarikat Insurans ini percaya akan pengakuan saya dan akan bertindak atas kenyataan di atas. Selain itu, saya mengizinkan Doktor atau mana-mana hospital, atau mana-mana organisasi yang mempunyai rekod atau pengetahuan berkenaan diri saya atau kesihatan saya, untuk memberi laporan kepada Great Eastern Life. Salinan fotokopi surat izin ini adalah sah seperti surat asal.
Saya telah membaca dan memahami peraturan yang berkaitan dengan Skim Insurans yang disebut di atas. Dengan ini, saya memohon untuk menyertai Skim tersebut dan bersetuju mematuhi segala peraturan Skim ini. Insurans ini akan berkuat kuasa apabila premium pertama telah dipotong daripada gaji saya melalui Biro Perkhidmatan Angkasa semasa saya masih hidup dan saya dalam keadaan sihat.

SILA AMBIL PERHATIAN: SKIM INSURANS INI TIDAK MELINDUNGI SEGALA PENGECUALIAN YANG TERDAPAT DALAM SKIM INI.

- Kematian yang disebabkan oleh penyakit barah (kanser), kerosakkan buah pinggang, AIDS atau HIV positif hanya boleh menuntut 50% manfaat kematian atau manfaat faedah hilang upaya total dan kekal jika kematian atau hilang upaya total dan kekal berlaku dalam tempoh masa 2 tahun pertama. Tuntutan kematian sepenuhnya dibayar selepas 2 tahun tempoh perlindungan.
- Tiada pampasan akan dibayar untuk Penyakit Kritikal yang sedia ada sebelum perlindungan berkuatkuasa.
- Segala faedah/manfaat ada disenaraikan dalam risalah Skim Insurans Berkumpulan ini.
- Skim ini memerlukan penyertaan minimum sebanyak 500 orang ahli. Syarikat Insurans Great Eastern Life berhak untuk membatalkan Skim Insurans Berkumpulan ini sekiranya penyertaan daripada ahli kurang daripada penyertaan minimum dalam sesuatu tempoh masa yang tertentu, dan nilai tabung semasa itu akan dikembalikan kepada peserta-peserta.

Tandatangan saksi: _____  Tandatangan Suami/Isteri: _____ 

No KP: _____ Nama Saksi _____

PLEASE RETURN COMPLETED PROPOSAL FORM TO: / SILA HANTAR BORANG LENGKAP KEPADA:

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, Semenanjung Malaysia
13-B Jalan Murai Dua, Kompleks Batu
Off Jalan Ipoh, 51100 Kuala Lumpur
Tel: 03-6253 5725 / 6251 0621